

MSM PRAI HENTI SEMENTERA OPERASI PENAPISAN SUSULAN KES COVID-19

KUALA LUMPUR, 9 JUN, 2021 – MSM Prai Berhad (MSM Prai), anak syarikat yang dimiliki penuh oleh MSM Malaysia Holdings Berhad hari ini mengumumkan penutupan sementara operasi bermula sekitar jam 5.00 petang pada 8 Jun 2021 hingga 17 Jun 2021 setelah menerima notis daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia pada 8 Jun 2021 bagi melakukan proses nyahjangkitan di premis tersebut bagi membendung penularan wabak Covid-19 bagi menjaga kesihatan, kesejahteraan dan keselamatan semua petugas MSM Prai dan masyarakat setempat.

Setakat ini, kesemua 756 petugas premis termasuk kakitangan kontrak di mana lebih 92% adalah terdiri daripada warganegara Malaysia telah melalui ujian saringan selama dua hari sebagai langkah proaktif. Seramai 8 daripada mereka yang didapati positif telah dikuarantin dengan serta-merta disusuli penjejakan kontak untuk ujian selanjutnya. Penutupan sementara ini akan memberi laluan kepada syarikat untuk menjalankan kerja-kerja sanitasi secara menyeluruh bagi proses nyahjangkitan.

Pihak pengurusan menjangkakan bahawa penutupan sementara operasi akan menunda penghantaran beberapa jualan kepada pelanggan. Pihak pengurusan kini sedang berbincang dengan pelanggan yang terjejas untuk merangka masa penghantaran produk dan menjangkakan tidak akan ada impak yang teruk kepada Kumpulan memandangkan hubungan jangka panjang dengan pelanggan tersebut.

MSM Prai dijangka akan memulakan semula operasi pada 18 Jun 2021 atau lebih awal bergantung kepada kelulusan daripada pihak berkuasa terlibat. Pihak syarikat masih melakukan penilaian terhadap impak daripada penutupan sementara tersebut terhadap pendapatan dan hasil syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

MSM akan menstruktur semula strategi kebolehpayaan operasi dalam memastikan kesinambungan perniagaan serta meminimumkan impak khususnya dalam aspek memenuhi permintaan pelanggan dan memastikan bekalan stok yang mencukupi dalam tempoh penutupan. Untuk terus menanggapi situasi tersebut, MSM akan melaksanakan penggunaan sepenuhnya permit bagi mengimport gula bertapis sebagai tambahan stok sedia ada.



"Semua premis operasi MSM adalah sangat mematuhi prosedur operasi standard (SOP) dan langkah-langkah pencegahan seperti yang ditetapkan oleh pihak berkuasa. Tiada sebarang kes jangkitan yang dilaporkan pada tahun 2020. Dalam laporan harian memperlihatkan negara berada pada tahap yang kritikal. Para petugas terdedah kepada pelbagai punca jangkitan. Kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan para petugas sentiasa menjadi keutamaan syarikat. Sehubungan itu, kami akan terus memantau situasi tersebut dan memastikan bantuan kesihatan yang sewajarnya diberikan kepada petugas yang terkesan. Melangkah ke hadapan, MSM akan merangka langkah-langkah pencegahan yang lebih kukuh Dengan melakukan ujian, penjejakan dan membuat hebahan berkenaan keberkesanan vaksin. MSM telah memohon kepada pihak berkuasa bagi mengutamakan permintaan program vaksinasi selaras dengan MSM sebagai pengeluar makanan keperluan asas serta mensasarkan pelaksanaan yang meluas dalam keseluruhan organisasi," jelas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad.

Syarikat kekal optimis bahawa MSM Prai akan dapat meningkatkan pengeluaran sejurus memulakan semula operasi tidak lama lagi sementara gula import telah tersedia sebagai langkah bagi menyokong keperluan negara untuk mengelakkan krisis kekurangan bekalan dalam pasaran.

-TAMAT-

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2020, MSM mengeluarkan sebanyak 1,010,215 tan gula bertapis, di mana 270,628 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 60% majoriti syer pasaran domestik. Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM 401 million setakat 31 Disember 2020. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula



Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya.

MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Siti Noorbaya Mohd Yunus
+603 2181 5018 ext. 137
+6016 677 6118
noorbaya.my@msmsugar.com

Ahmad Izwan Osman
+603 2181 5018 ext. 154
+6017 440 1027
ahmadizwan.o@msmsugar.com